

Tajuk 8: Perpuluhan. (TP4 – TP6)

Selesaikan semua soalan yang berikut.

1. Jarak dari sekolah ke bank ialah 15.358km. Jarak bank ke hospital adalah 7.205km kurang daripada jarak dari sekolah ke bank. Hitung jumlah jarak dari sekolah ke hospital.



2. Jadual di bawah menunjukkan jisim sebiji buah betik. Jisim bagi sebiji buah tembikai tidak ditunjukkan.

Buah	Jisim
Betik	4.725kg
Tembikai	Sama dengan 2 kali jisim betik.

Hitung jisim buah tembikai.

3. Rajah di bawah menunjukkan sekotak jus oren berisipadu 1.5 liter.



1.5 liter

Hadif menuang jus oren tersebut ke dalam 5 biji cawan yang sama saiz. Berapakah jumlah isipadu jus oren bagi 3 biji cawan?

4. Rajah di bawah menunjukkan 3 keping kad nombor.

12.563

2.256

2

Kad nombor yang paling besar didarab dengan kad nombor yang paling kecil. Kemudiannya ditolakkan dengan kad nombor yang terdiri daripada tiga titik perpuluhan.

5. Rajah di bawah menunjukkan jisim bagi tiga jenis barang.

Barang	Buku rujukan	Kotak pensil	Buku nota
Jisim	0.852kg	0.36kg	0.512kg

Udin membawa 2 buah buku rujukan, sebuah kotak pensil dan 5 buah buku nota. Hitung jumlah jisim bagi kesemua barang-barang yang dibawa oleh Udin.